

## 1.7 juta akaun SSPN dibuka babitkan RM499 juta

TEMERLOH 23 Nov. - Lebih 1.7 juta akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dibuka sehingga Oktober lalu membabitkan jumlah RM499.90 juta.

Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Ismail Mohamed Said



(gambar) berkata, dari Januari hingga Oktober lalu jumlah simpanan yang dicatatkan adalah RM110 juta dengan jumlah akaun baru SSPN yang didaftarkan ialah 101,638.

"Dalam tempoh sama, menyimpan akaun tersebut mengeluarkan simpanan mereka membabitkan jumlah RM33.63 juta," katanya pada pertandingan sepak takraw anjuran UMNO Bahagian Kuala Krau dekat Desa Murni Kerdau di sini.

Majlis itu dirasmikan Ketua Pemuda UMNO Pahang, Abu Jimmi Samat.

Menurut Ismail, hanya mereka yang membuka akaun SSPN akan diberi keutamaan meminjam wang dari PTPTN mulai tahun depan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Krau memberitahu, PTPTN memperuntukkan RM4 bilion setahun sebagai pinjaman kepada pelajar melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi awam dan swasta.

Beliau berharap mereka yang masih belum membayar balik pinjaman itu segera berbuat demikian sebelum akhir tahun ini bagi mendapatkan kemudahan caj pentadbiran satu peratus yang akan dikenakan mulai awal tahun depan.

Katanya, bagi mereka yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan mahkamah dan dikenakan caj perkhidmatan serta faedahnya sehingga lapan peratus.